

**BUKU LAPORAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MARPA
KE - DUA PULUH DUA**



**PERSATUAN PERLINDUNGAN
SINARAN MALAYSIA (MARPA)**
(No. Pendaftaran: PPM-001-10-19062002)



29 Ogos 2023 (Selasa)



7.45 malam



**Conference 3, Level 2,
Weil Hotel, Ipoh**

Ruj. Kami (*Our Ref.*) :
Ruj. Tuan (*Your Ref.*) : MARPA:MESY/AGM2023 (01)
Tarikh (*Date*) : 31 Julai 2023

Kepada:
Semua Ahli MARPA

YBrs. Dato'/Datin/Ts./Dr./Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE DUA PULUH DUA PERSATUAN PERLINDUNGAN SINARAN MALAYSIA (MARPA)

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya ingin menjemput YBrs. Dato'/Datin/Ts./Dr./Tuan/Puan untuk menghadiri mesyuarat di atas yang akan diadakan mengikut ketetapan seperti berikut:

Tarikh : **29 Ogos 2023 (Selasa)**
Masa : **7.45 malam**
Tempat : **Conference 3, Level 2, Weil Hotel, Ipoh**

3. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut:

- 3.1 Ucapan Aluan Presiden Sesi 2022/2024
- 3.2 Pelantikan Pengerusi Mesyuarat
- 3.3 Pelantikan Dua Orang Pencatat Minit
- 3.4 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke Dua Puluh Satu
- 3.5 Perkara-Perkara Berbangkit
- 3.6 Pembentangan dan Pengesahan Laporan Tahunan 2022-2023
- 3.7 Pembentangan dan Pengesahan Laporan Kewangan 2022-2023
- 3.8 Pembentangan dan Perbahasan Usul
- 3.9 Ucapan Penangguhan Presiden MARPA Sesi 2022/2024


4. Semua ahli MARPA adalah dimohon untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.1 Membuat pendaftaran kehadiran ke Mesyuarat Agung Tahunan melalui pautan <https://forms.gle/Lf7ngNPZNKPq9gap7> sebelum **22 Ogos 2023**; dan
- 4.2 Mengemukakan sebarang usul kepada Setiausaha MARPA melalui emel admin@marpa.org.my menggunakan borang yang dilampirkan sebelum **22 Ogos 2023**.

5. Kerjasama YBrs. Dato'/Datin/Ts./Dr./Tuan/Puan untuk menghadiri mesyuarat ini amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan tugas,



NORFAIZAL BIN MOHAMED
Setiausaha MARPA



**MINIT MESYUARAT AGUNG KE DUA PULUH SATU
PERSATUAN PERLINDUNGAN SINARAN MALAYSIA (MARPA)**

Tarikh:	13 Oktober 2022 (Khamis)
Masa:	2.30 – 5.30 petang
Tempat:	Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi
Kehadiran:	50 orang Ahli MARPA (Rujuk Lampiran 1)

Bil.	Perkara	Tindakan
1. Ucapan Aluan Presiden Sesi 2020/2022		
1.1	Presiden MARPA mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang dapat hadir bagi menjayakan Mesyuarat Agung MARPA kali ke-21.	Makluman
1.2	Presiden MARPA mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Lembaga MARPA yang telah bertungkus lumus menjayakan program-program MARPA bagi sesi 2020-2022.	Makluman
2. Perlantikan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit		
2.1	Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk melantik En. Iberahim Ali sebagai Pengerusi Mesyuarat setelah dicadangkan oleh Pn. Suzana Abu Bakar dan disokong oleh Dr. Mohd Fitri Abdul Rahman.	Makluman
2.2	En. Faizal Azrin Abdul Razalim mencadangkan Pn. Nur Khairunisa Zahidi sebagai Pencatat Minit 1 dan disokong oleh Cik Azimawati Ahmad.	Makluman
2.3	En. Shahrul Azlan Azizan mencadangkan Pn. Noor Ezati Shuib sebagai Pencatat Minit 2 dan disokong oleh Pn. Noor Fadilla Ismail.	Makluman
2.4	Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk melantik Pn. Nur Khairunisa Zahidi sebagai Pencatat Minit 1 dan Pn. Noor Ezati Shuib sebagai Pencatat Minit 2.	Makluman
3. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-20		
3.2	En. Norfaizal Mohamed menyatakan terdapat kesilapan tarikh pada perkara 5.1, 5.7 dan 6.1 iaitu tarikh 31 Jun 2021 perlu ditukar kepada 30 Jun 2021.	Makluman

- | | | |
|-----|--|----------|
| 3.3 | En. Mohd Fazlie Abdul Rashid menyatakan terdapat kesilapan pada nama pencatat minit yang sepatutnya iaitu Cik Sabariah Kader Ibrahim dan Pn. Anis Zubaidah Ghazali pada perkara 2.4. | Makluman |
| 3.4 | Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 disahkan dengan pindaan setelah dicadangkan oleh En. Mohd Fazlie Abdul Rashid dan disokong oleh Dr. Mohd Fitri Abdul Rahman. | Makluman |

4. Perkara-perkara Berbangkit:

Tindakan

- | | | |
|-----|---|--------------------------|
| 4.1 | Perkara 7.1: Usul mengenai faedah dan kebajikan ahli MARPA, Pn. Suzilawati Sarowi memaklumkan biro kebajikan dicadang untuk dijalankan oleh badan lain kerana keadaan kewangan MARPA yang kurang memberangsangkan dan MARPA merupakan badan professional. En. Mohd Fazlie Abdul Rashid memaklumkan pemberian diskaun yuran diberikan kepada ahli MARPA apabila mengikuti program RPCW 2022 dan boleh mengikuti kursus refresher dengan CEP Point 5 secara percuma semasa RPCW 2022. | Makluman |
| 4.2 | Perkara 7.2: Usul mengenai ahli-ahli MARPA diiktiraf dan didaftarkan secara pukal oleh MBOT, En. Mohd Fazlie Abdul Rashid memaklumkan usul telah dibincangkan oleh Ahli Lembaga MARPA dan MBOT memaklumkan permohonan perlu melalui organisasi tempat berkerja dan agak sulit jika permohonan melalui Persatuan. Ts. Khairul Izzat Abdul Aziz mencadangkan agar Ahli Lembaga MARPA untuk sesi yang akan datang dapat menganjurkan seminar MBOT secara atas talian kepada ahli MARPA yang berminat bagi mendapat pengiktirafan tersebut. | Ahli
Lembaga
MARPA |
| 4.3 | Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha dan Ahli Lembaga MARPA untuk memberikan sedikit maklum balas terhadap perkara hal-hal lain seperti yang tercatat di dalam minit mesyuarat. | Makluman |
| 4.4 | Perkara 8.1: Pn. Suzilawati Sarowi memaklumkan mengikut perlembagaan, Mesyuarat Agung MARPA boleh diteruskan sekiranya kehadiran separuh daripada jumlah keahlian atau 2 kali ganda jumlah Ahli Lembaga MARPA. | Makluman |
| 4.5 | Perkara 8.2: En. Mohd Sidek Othman memaklumkan RPO Conference tahun 2021 yang dicadangkan untuk dianjurkan pada September 2021 di Kuala Terengganu dipinda ke Mac 2022 berikutan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) dan situasi banjir yang berlaku di Kuala Terengganu. | Makluman |
| 4.6 | Perkara 8.3: Tn. Syed Asraf Fahlawi Wafa memaklumkan Ahli Lembaga MARPA ada mencadangkan beberapa aktiviti seperti lawatan ahli MARPA ke Reaktor TRIGA PUSPATI Nuklear | Makluman |

Malaysia, namun ianya tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan masa dan Pameran Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Agensi Nuklear Malaysia selama satu bulan yang dibuka untuk orang ramai bagi tahun 2022.

- | | | |
|------|--|----------|
| 4.7 | Perkara 8.4: Tn. Syed Asraf Fahlawi Wafa turut memaklumkan RPO Conference 2022 telah dilaksanakan sepenuhnya oleh MARPA dengan bantuan sekretariat dari Agensi Nuklear Malaysia dan khidmat konsultasi daripada pihak Pusat Kecemerlangan Nuklear (CoNE), Agensi Nuklear Malaysia. | Makluman |
| 4.8 | Perkara 8.5: Tn. Syed Asraf Fahlawi Wafa juga memaklumkan Ahli Lembaga MARPA bersetuju dengan cadangan untuk diadakan Mesyuarat Agung MARPA secara <i>hybrid</i> tetapi untuk kali ini, ianya agak sukar untuk dilaksanakan memandangkan ada melibatkan pemilihan Ahli Lembaga MARPA. | Makluman |
| 4.9 | Perkara 8.6: En. Mohd Fazlie Abdul Rashid memaklumkan keistimewaan ahli MARPA adalah mendapat diskaun apabila menyertai program anjuran MARPA. MARPA juga pernah menganjurkan kursus bersama Jabatan Tenaga Atom dengan mengenakan yuran yang minimum. Pn. Hasfalina Saidin juga memaklumkan antara kelebihan ahli MARPA yang lain adalah boleh dicalonkan untuk menganggotai jawatkuasa program kebangsaan dengan memberi peluang kepada ahli MARPA untuk mewakili MARPA. | Makluman |
| 4.10 | Pengerusi Mesyuarat menutup perbincangan berkaitan hal-hal lain kerana kesuntukan masa. | Makluman |

5. Pembentangan Laporan Tahunan Sesi 2021/2022

- | | | |
|-----|---|----------|
| 5.1 | Pn Suzilawati Muhd Sarowi selaku Setiausaha telah membentangkan Laporan Tahunan MARPA bagi Jun 2021 sehingga Oktober 2022 dengan merujuk kepada Buku Laporan Mesyuarat Agung MARPA, muka surat 8 hingga 12. | Makluman |
| 5.2 | Setiausaha membentangkan maklumat am, maklumat ahli lembaga, maklumat mesyuarat yang telah diadakan dan rekod kehadiran ahli lembaga MARPA. Kehadiran mesyuarat adalah memuaskan dan ianya telah diadakan sama ada secara atas talian atau fizikal. | Makluman |
| 5.3 | Setiausaha memaklumkan urusan sewaan peti surat telah selesai dan peti surat boleh digunakan semula setelah isu penyenggaraan selesai. Setiausaha juga meminta agar urusan sewaan peti surat ini diambil perhatian untuk barisan ahli lembaga baru. | Makluman |

- | | | |
|------|---|--------------------------|
| 5.4 | Sehingga 30 September 2022, seramai 826 orang ahli berdaftar dan mengikut rekod hanya seramai 699 orang ahli sahaja yang aktif. Ahli yang dikategorikan sebagai tidak aktif adalah ahli biasa di mana tidak memperbaharui yuran keahlian. Mesyuarat dimaklumkan Ahli Lembaga MARPA bersetuju bahawa pemberian kad TnG untuk ahli baru dihentikan kerana tiada lagi pengeluaran kad TnG (telah digantikan dengan kad <i>near field communication</i> (NFC)). | Makluman |
| 5.5 | MARPA juga telah dijemput untuk menganggotai beberapa jawatankuasa dan mesyuarat di peringkat kebangsaan seperti Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (JKPPPS) dan Mesyuarat Dasar Nuklear Negara. | Makluman |
| 5.6 | Penganjuran Persidangan Perlindungan Sinaran & Bengkel RPCW 2022: Walaupun pihak penganjur menghadapi beberapa kekangan dan cabaran semasa persediaan penganjuran program, sambutan yang diterima amat baik dengan seramai 139 peserta dari 77 organisasi telah menyertainya. | Makluman |
| 5.7 | Setiausaha memaklumkan 1 newsletter telah diterbitkan pada September 2021 (Buletin MARPA, Isu 15) yang boleh dicapai di laman sesawang MARPA. | Makluman |
| 5.8 | Pihak MARPA juga telah memberikan beberapa sumbangan dan tajaan untuk beberapa aktiviti serta penganjuran program seperti pemberian sarung tangan bagi kegunaan petugas di Pusat Pemberian Vaksin Bangi Avenue Convention Centre (PPV). | Makluman |
| 5.9 | Setiausaha memaklumkan semua aset seperti di dalam senarai ada pada Setiausaha dan disimpan di Blok 13, Agensi Nuklear Malaysia. | Makluman |
| 5.10 | Setiausaha turut memaklumkan Ahli Lembaga MARPA telah melakukan kunjungan hormat ke Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) pada 15 November 2021 bagi membincangkan isu-isu semasa serta kerjasama MARPA dan LPTA. | Makluman |
| 5.11 | Pengerusi Mesyuarat membangkitkan isu mengenai keanggotaan ahli MARPA dalam Jawatankuasa/Mesyuarat di peringkat Kebangsaan/Antarabangsa dan mencadangkan wakil MARPA agar dapat menghantar laporan ringkas kepada Ahli Lembaga untuk tujuan rekod. | Ahli
Lembaga
MARPA |
| 5.12 | YM. Tengku Zamzure Tengku Zahid bertanyakan sama ada wakil MARPA yang menganggotai jawatankuasa ini dibiayai oleh pihak MARPA atau tidak. En. Mohd Sidek Othman menyatakan ianya dibiayai oleh organisasi yang terlibat seperti contoh JKPPPS di bawah Jabatan Atom Malaysia. | Makluman |

- 5.13 Ts. Khairul Izzat Abdul Aziz mencadangkan laporan tahunan ini diterima tanpa pindaan dan disokong oleh Dr. Sofian Ibrahim. Makluman

6. Pembentangan Laporan Kewangan Sesi 2021/2022

- 6.1 Cik Asmaliza Hashim selaku Bendahari telah membentangkan Laporan Kewangan bagi tempoh 1 Julai 2021 sehingga 30 Jun 2022 dengan merujuk kepada Buku Laporan Mesyuarat Agung MARPA, muka surat 13 hingga 16. Makluman
- 6.2 Bendahari memaklumkan pembentangan laporan kewangan adalah untuk akaun 1 dan akaun 2. Akaun 1 digunakan untuk kerja-kerja pentadbiran dan akaun 2 digunakan untuk aktiviti yang dijalankan oleh MARPA. Selain itu, MARPA juga mempunyai dua akaun simpanan tetap. Makluman
- 6.3 Bendahari menjelaskan baki bayaran konsultasi CoNE sebanyak RM15,000.00 iaitu 50% dari jumlah keseluruhan RM30,000.00 masih belum dijelaskan kerana laporan daripada CoNE baru sahaja diterima pada 12 Oktober 2022. Bendahari
- 6.4 YM. Tengku Zamzure Tengku Zahid bertanya mengenai bila akaun simpanan tetap dibuka dan mengapa bayaran dividen yang diterima agak rendah seperti yang dilaporkan iaitu RM904.03. En. Norfaizal Mohamed memaklumkan akaun simpanan tetap tersebut dibuka selepas Mesyuarat Agung pada tahun 2018 dan bayaran dividen yang diterima agak rendah kerana akaun tersebut telah beberapa kali mencapai tempoh matang. Kebiasaannya, bayaran dividen yang tinggi hanya untuk kali pertama simpanan tetap tersebut mencapai tempoh matang. Makluman
- 6.5 Bendahari mengingatkan kepada ahli lembaga MARPA sesi baru untuk memastikan akaun ePerolehan (eP) dipantau dan tidak tamat tempoh. Akaun eP ini penting bagi urusan perolehan antara jabatan kerajaan untuk program anjuran MARPA. MARPA juga perlu berusaha untuk menaikkan had eP yang lebih tinggi dari RM20,000.00 bagi membolehkan penyertaan yang lebih banyak boleh diterima dari sesebuah jabatan kerajaan. Ahli Lembaga MARPA
- 6.6 Bendahari memaklumkan mesyuarat ahli lembaga MARPA telah dijalankan sebanyak 5 kali seperti yang dilaporkan oleh Setiausaha, namun hanya 3 kali perbelanjaan mesyuarat dimasukkan dalam laporan kewangan. Perbelanjaan untuk 2 kali mesyuarat lagi akan dimasukkan dalam laporan kewangan yang akan datang. Bendahari
- 6.7 Dr. Mohd Fitri Abdul Rahman mencadangkan laporan kewangan diterima tanpa pindaan dan disokong oleh En. Ahmad Zaki Mohamad Afifi. Makluman

7. Pembubaran Ahli Lembaga MARPA Sesi 2020/2022 dan Perlantikan Ahli Lembaga MARPA Sesi 2022/2024

7.1 Ahli Lembaga MARPA Sesi 2020/2022 dibubarkan secara rasmi. Perlantikan Ahli Lembaga MARPA Sesi 2022/2024 dibuat melalui pencalonan dan pengundian di dalam mesyuarat. Makluman

7.2 Perlantikan Presiden dan Naib Presiden Makluman

Mesyuarat sebulat suara bersetuju membuka pencalonan untuk 3 orang sahaja dengan undian pertama dan kedua tertinggi akan dilantik sebagai Presiden dan Naib Presiden.

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi
Ts Dr Husaini Salleh	En Mohd Sidek Othman	En Norfaizal Mohamed	26
En Norfaizal Mohamed	Dr Sofian Ibrahim	Pn Suzilawati Mohd Sarowi	13
Tn Syed Asraf Fahlawi Wafa SM Ghazi	Pn Noor Fadilla Ismail	Cik Azimawati Ahmad	17

PRESIDEN : Ts Dr Husaini Salleh

NAIB PRESIDEN : Tn Syed Asraf Fahlawi Wafa SM Ghazi

7.3 Pelantikan Setiausaha Makluman

Mesyuarat sebulat suara bersetuju membuka pencalonan untuk 2 orang sahaja dengan undian tertinggi akan dilantik sebagai Setiausaha.

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi
En Norfaizal Mohamed	Pn Suzana Abu Bakar	Pn Noor Fadilla Ismail	18
Pn Suzilawati Muhd Sarowi	En Norfaizal Mohamed	Cik Azimawati Ahmad	13

SETIAUSAHA : En Norfaizal Mohamed

7.4 Pelantikan Bendahari Makluman

Mesyuarat sebulat suara bersetuju membuka pencalonan untuk 2 orang sahaja dengan undian tertinggi akan dilantik sebagai Bendahari.

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi
Cik Asmaliza Hashim	En Norfaizal Mohamed	En Faizal Azrin Abdul Razalim	17

Pn Sharida Sahnun	Pn Hasfalina Saidin	Pn Suzana Abu Bakar	13
-------------------	---------------------	---------------------	----

BENDAHARI : Cik Asmaliza Hashim

7.5 Perlantikan Ahli Jawatankuasa (AJK)

Makluman

Mesyuarat sebulat suara bersetuju membuka pencalonan untuk 10 orang sahaja dengan 6 undian tertinggi akan dilantik sebagai AJK.

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi
Dr Sofian Ibrahim	En Mohd Sidek Othman	Cik Asmaliza Hashim	18
Cik Azimawati Ahmad	Pn Noor Fadilla Ismail	Pn Sharida Sahnun	18
Pn Sharida Sahnun	Ts Khairul Izzat Abdul Aziz	Pn Suzilawati Muhd Sarowi	15
Pn Suzilawati Muhd Sarowi	Pn Norriza Mohd Isa	Dr Sofian Ibrahim	18
Ts Khairul Izzat Abdul Aziz	En Aiman Izzat Abdul Halim	Pn Sharida Sahnun	18
Pn Hasfalina Saidin	Pn Nor Aina Mahazer	Pn Norriza Mohd Isa	22
En Balwinder Singh Herchun Singh	Tn Syed Asraf Fahlawi Wafa SM Ghazi	Pn Suzilawati Muhd Sarowi	15
En Iberahim Ali	En Norfaizal Mohamed	Pn Rokiah Mohd Sabri	15
En Muhamad Amir Asraf Ramli	Pn Sharida Sahnun	Pn Nor Aina Mahazer	17
Pn Nor Aina Mahazer	Pn Norriza Mohd Isa	Ts Khairul Izzat Abdul Aziz	15

AJK : Pn Hasfalina Saidin
Dr Sofian Ibrahim
Cik Azimawati Ahmad
Pn Suzilawati Muhd Sarowi
Ts Khairul Izzat Abdul Aziz
En Muhamad Amir Asraf Ramli

7.6 Perlantikan Juruaudit

Makluman

Mesyuarat sebulat suara bersetuju membuka pencalonan untuk 3 orang sahaja dengan dua undian tertinggi akan dilantik sebagai Juruaudit.

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi
En Mohd Fazlie Abd Rashid	Pn Suzilawati Muhd Sarowi	Pn Sharida binti Sahnun	25

En Amir Syafiq Azhar	Ts Khairul Izzat Abdul Aziz	Pn Nor Aina Mahazer	14
YM Tengku Zamzure Tengku Zahid	En Mohd Sidek Othman	Pn Suzana Abu Bakar	19

JURUAUDIT : En Mohd Fazlie Abd Rashid
YM Tengku Zamzure Tengku Zahid

7.7 Perlantikan Pengamanah

Makluman

Mesyuarat sebulat suara bersetuju membuka pencalonan untuk 3 orang sahaja dan akan dilantik sebagai Pengamanah.

Calon	Pencadang	Penyokong	Undi
En Mohd Sidek Othman	Dr Sofian Ibrahim	YM Tengku Zamzure Tengku Zahid	-
Pn Noor Fadilla Ismail	Cik Azimawati Ahmad	En Faizal Azrin Abdul Razalim	-
En Faizal Azrin Abdul Razalim	Pn Norriza Mohd Isa	Cik Azimawati Ahmad	-

PENGAMANAH : En Mohd Sidek Othman
Pn Noor Fadilla Ismail
En Faizal Azrin Abdul Razalim

8. Pembentangan dan Perbahasan Usul

8.1 Usul

Setiausaha

Pencadang : Tn Syed Asraf Fahlawi Wafa SM Ghazi

Penyokong : Cik Azimawati Ahmad

Usul: Mengekalkan 2 Ahli Lembaga bagi sesi sebelumnya untuk lantikan semula

Keterangan:

Berlaku beberapa keputusan, perancangan yang dilakukan oleh Ahli Lembaga sesi yang sebelumnya tidak difahami dan tidak diteruskan kerana Ahli Lembaga yang baru dilantik tidak mempunyai maklumat sepenuhnya. Bagi memastikan kesinambungan perancangan/kerja, dicadangkan 2 orang Ahli Lembaga sesi sebelumnya dikekalkan. Ahli yang dikekalkan adalah berdasarkan pencalonan daripada Ahli Lembaga sesi sebelumnya dengan sokongan ahli yang hadir semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

Perbahasan:

En. Ibrahimi Ali memaklumkan usul yang dicadangkan adalah melibatkan pindaan pelebagaan dan perlu mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan (RoS).

En. Norfaizal Mohamed memaklumkan ianya agak sukar memandangkan lantikan Ahli Lembaga MARPA perlu dibuat semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

Beliau mencadangkan agar dipinda 4 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan, manakala tambahan 2 orang AJK dilantik oleh Presiden MARPA.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan ini dan Setiausaha diminta untuk mendapatkan kebenaran pihak RoS.

9. Ucapan Penangguhan Presiden Sesi 2022-2024

- 9.1 Presiden mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Pencatat Minit Mesyuarat Agung MARPA ke-21 dan juga kepada semua ahli yang hadir. Beliau juga mengharapkan sokongan padu yang berterusan daripada semua ahli agar dapat . Makluman

Mesyuarat telah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Disediakan oleh:



(NORFAIZAL BIN MOHAMED)
Setiausaha MARPA
2022-2024

Disahkan oleh:



(Ts DR HUSAINI BIN SALLEH)
Presiden MARPA
2022-2024

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG MARPA KE-21

Bil.	Nama	No. Ahli
1.	AB RAZAK HAMZAH, DR	081/2004
2.	ABDUL QUDDOOS ABU BAKAR	742/2019
3.	AHMAD ZAKI MOHAMAD AFIFI	731/2019
4.	AMIR SYAFIQ AZHAR	829/2022
5.	ASMALIZA HASHIM	266/2013
6.	AZIMAWATI AHMAD	130/2006
7.	BALWINDER SINGH HERCHUN SINGH	637/2018
8.	FAIZAL AZRIN ABDUL RAZALIM	434/2016
9.	GUI AH AUU, DR	333/2014
10.	HABIBAH ADNAN	393/2015
11.	HUSAINI SALLEH, Ts DR	623/2017
12.	IBERAHIM ALI	010/2002
13.	IKMAL AZRAN	812/2022
14.	KHAIRUL ANUAR MOHD SALLEH, DR	443/2016
15.	KHAIRUL IZZAT ABD AZIZ, Ts	619/2017
16.	MD DERUS IBRAHIM	426/2016
17.	MOHD FAZLIE ABDUL RASHID	286/2013
18.	MOHD FITRI ABDUL RAHMAN, DR	603/2017
19.	MOHD HAIRUL FAIZAL AHMAD, Ts	212/2012
20.	MOHD HIJAN HARUN	791/2015
21.	MOHD SIDEK OTHMAN	036/2002
22.	MUHAMAD AMIR ASRAF RAMLI	665/2018
23.	MUHAMAD LEBAI JURI, DATO' DR	002/2002
24.	MUHAMMAD ADNIN SHAHRI, KAPTEN	647/2018
25.	MUHAMMAD YASIN IDRIS	788/2022
26.	MUNIRA SHAIKH NASIR	372/2015
27.	NADIRA KAMARUDIN	409/2016
28.	NOOREZATI SHUIB	353/2014
29.	NOOR FADILLA ISMAIL	430/2016
30.	NORAISHAH OTHMAN, DR	411/2016
31.	NORFAIZAL MOHAMED	113/2006

32.	NORHASFALINA SAIDIN	174/2009
33.	NORMAN SHAH DAHING	604/2017
34.	NORRIZA MOHD ISA	213/2012
35.	NOR AINA MAHAZER	143/2017
36.	NUR KHAIRUNISA ZAHIDI	431/2016
37.	RAJA ABDUL AZIZ RAJA ADNAN, DATUK	168/2008
38.	ROKIAH MOHD SABRI	186/2009
39.	RUZALINA BAHARIN	131/2006
40.	SHAHRI HASHIM	274/2013
41.	SHHRUL AZLAN AZIZAN	435/2016
42.	SHALINA SHEIK MUHAMAD, DR	408/2016
43.	SHAMESH RAJ PARTHASARATHY	370/2015
44.	SHARIDA SAHNAN	451/2016
45.	SOFIAN IBRAHIM, DR	351/2014
46.	SUZANA ABU BAKAR	611/2017
47.	SUZILAWATI MUHD SAROWI	344/2004
48.	SYED ASRAF FAHLAWI Wafa SM GHAZI	086/2005
49.	TOON KONG LAM	364/2015
50.	ZAINIRUDDIN HANUR HARITH	156/2008

MAKLUMAT

PERSATUAN PERLINDUNGAN SINARAN MALAYSIA (MARPA)

Nama didaftarkan : **PERSATUAN PERLINDUNGAN SINARAN MALAYSIA**
Tarikh didaftarkan : **19 Jun 2002**
No Pendaftaran : **PPM-001-10-19062002**
Emel : admin@marpa.org.my
Alamat surat menyurat : **No Peti Surat 00002, Bandar Baru Bangi, 43657 Selangor**
Website : www.marpa.org.my
Facebook : **Malaysian Radiation Protection Association**

AHLI LEMBAGA MARPA 2022-2024:

- | | |
|------------------------------------|---------------|
| 1. Ts. Dr. Husaini Salleh | Presiden |
| 2. Tn. Hj. Syed Asraf Fahlawi Wafa | Naib Presiden |
| 3. En. Norfaizal Mohamed | Setiausaha |
| 4. Cik Asmaliza Hashim | Bendahari |
| 5. Pn. Norhasfalina Saidin | Ahli Lembaga |
| 6. Dr. Sofian Ibrahim | Ahli Lembaga |
| 7. Cik Azimawati Ahmad | Ahli Lembaga |
| 8. Pn. Suzilawati Muhd Sarowi | Ahli Lembaga |
| 9. Ts. Khairul Izzat Abdul Aziz | Ahli Lembaga |
| 10. En. Muhammad Amir Asraf Ramli | Ahli Lembaga |

JURUAUDIT:

1. En. Mohd Fazlie Abdul Rashid
2. YM. Tengku Zamzure Tengku Zahid

PENGAMANAH:

1. En. Mohd Sidek Othman
2. Pn. Noor Fadilla Ismail
3. En. Faizal Azrin Abdul Razalim

LAPORAN TAHUNAN MARPA - JULAI 2022 HINGGA JUN 2023 -

Ahli Lembaga MARPA dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan MARPA bermula 1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023.

1. Mesyuarat Ahli Lembaga MARPA Sesi 2020-2022 & Sesi 2022-2024

Bagi tempoh Julai 2022 hingga Jun 2023, mesyuarat Ahli Lembaga telah diadakan sebanyak 3 kali. Maklumat mengenai tarikh mesyuarat dan kehadiran Ahli Lembaga adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Tarikh Mesyuarat	05/10/2022	02/11/2022	02/04/2021	Jumlah Kehadiran
Nama	Bil. 3/2022 (Kali ke-8)	Bil. 4/2022 (Kali Pertama)	Bil. 1/2023 (Kali Ke-2)	
En. Mohd Sidek Othman	✓			
Ts. Khairul Izzat Abdul Aziz	x	✓	✓	2/2
Pn. Suzilawati Muhd Sarowi	✓	✓	✓	2/2
Cik Asmaliza Hashim	✓	✓	✓	2/2
Pn. Norhasfalina Saidin	✓	✓	✓	2/2
En. Balwinder Singh Herchun Singh	✓			
En. Muhammad Amir Asraf Ramli	x	✓	✓	2/2
En. Mohd Fazlie Abdul Rashid	x			
En. Ahmad Bazlie Abdul Kadir	x			
Tn. Hj. Syed Asraf Fahlawi Wafa S.M. Ghazi	✓	✓	✓	2/2
Ts. Dr. Husaini Salleh		✓	✓	2/2
En. Norfaizal Mohamed		✓	✓	2/2
Dr. Sofian Ibrahim		✓	✓	2/2
Cik Azimawati Ahmad		✓	✓	2/2
Jumlah Kehadiran	6/10	10/10	10/10	

Jadual 1: Tarikh mesyuarat dan kehadiran Ahli Lembaga MARPA

2. Sewaan Peti Surat


Sewaan Peti Surat untuk urusan surat-menyurat aktiviti MARPA di Pejabat Pos Bandar Baru Bangi telah disambung untuk tempoh 1 tahun (2023) bermula dari 3 Januari 2023. Kadar sewaan yang dikenakan adalah sebanyak RM 200.00 setahun.

3. Keahlian MARPA

Jumlah rekod keahlian MARPA sehingga 30 Jun 2023 adalah seramai **834 orang** (berbanding 826 orang pada mesyuarat agung yang lepas). Daripada jumlah ini, bilangan ahli aktif adalah seramai 705 orang dan ahli tidak aktif adalah seramai 129 orang.

**Ahli Tidak Aktif - Tidak memperbaharui keahlian*

Bilangan ahli yang aktif dari Tahun 2018 - 2023 (Jun 2023) ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Bilangan ahli MARPA yang aktif dari tahun 2018 - 2023 (Jun) mengikut kategori ahli

Analisis bagi ahli MARPA yang aktif adalah seperti berikut:

3.1 Jantina : Lelaki (550) dan Perempuan (155)

3.2 Organisasi :

- Swasta/Industri (466)
- IPTA/IPTS (56)
- Kerajaan (Nuklear Malaysia, Atom Malaysia dan lain –lain) (127)
- Perubatan (23)
- Pesara (33)

4. Keanggotaan/Kehadiran dalam Jawatankuasa/Mesyuarat di Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa

Bil.	Jawatankuasa/Mesyuarat	Nama Ahli MARPA
1.	Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (JKPPPS)	En. Norfaizal bin Mohamed
2.	<i>International Radiation Protection Association (IRPA)</i> <i>Asian Oceanic Association on Radiation Protection (AOARP)</i>	Ts. Dr. Husaini bin Salleh En. Norfaizal bin Mohamed Cik Asmaliza binti Hashim
3.	<i>6th Asian Oceanic Congress on Radiation Protection (AOCRP6)</i>	Pn. Roha binti Tukimin
4.	<i>IRPA Task Group on Radiation Safety Culture in Healthcare</i>	Ts. Dr. Husaini bin Salleh

Jadual 2: Senarai Jawatankuasa/Mesyuarat yang melibatkan Ahli MARPA

4.1 Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (JKPPPS)

Ahli Lembaga MARPA semasa Mesyuarat Ahli Lembaga Bil. 4/2022 pada 2 November 2022 telah bersetuju untuk mencalonkan Setiausaha, En. Norfaizal Mohamed bagi menganggotai Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (JKPPPS). Pencalonan ini telah diterima dalam Mesyuarat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ke-109 (Bil. 3/2022) pada 1 Disember 2022 dan tempoh lantikan adalah selama 2 tahun mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

Antara terma rujukan JKPPPS ini adalah:

- Menyediakan panduan dan standard bagi penilaian Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)
- Melakukan audit kawalan mutu bagi pelaksanaan Peperiksaan Persijilan PPS
- Melakukan audit pematuhan ke atas Pusat Latihan
- Menyemak dan mengesyorkan keputusan Peperiksaan Persijilan PPS
- Menyemak dan mengesyorkan penilaian permohonan Pusat Latihan yang ingin mendapatkan mata pemberat Program Pendidikan Berterusan (CEP)

Mesyuarat JKPPPS dijadualkan untuk bersidang setiap bulan dan sehingga Jun 2023, En. Norfaizal Mohamed telah menghadiri ke semua sesi mesyuarat tersebut. Selain itu, beliau juga terlibat menjalankan audit pematuhan ke atas dua (2) buah Agensi Latihan PPS pada 6 Mac dan 15 Jun 2023.

4.2 *International Radiation Protection Association (IRPA) & Asian Oceanic Association on Radiation Protection (AOARP)*

International Radiation Protection Association (IRPA) yang ditubuhkan sejak tahun 1965 merupakan persatuan yang menghimpunkan professional dalam bidang pengamal perlindungan sinaran di seluruh dunia. IRPA kini mempunyai sebanyak 53 persatuan bersekutu (termasuk MARPA) dari 68 buah negara dengan lebih daripada 18,000 ahli. IRPA menggalakkan peningkatan kecekapan profesional, budaya perlindungan sinaran dan amalan di seluruh dunia dengan menyediakan penanda

aras amalan baik, menggalakkan penerapan standard tertinggi kelakuan profesional, kemahiran dan pengetahuan untuk manfaat individu dan masyarakat.

Manakala *Asian Oceanic Association on Radiation Protection* (AOARP) merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang terdiri daripada gabungan Persatuan Bersekutu Kebangsaan di rantau Asia dan Oceania. Antara tujuan penubuhan AOARP adalah untuk menggalakkan pertukaran maklumat antara Persatuan Bersekutu, mengukuhkan aktiviti setiap Persatuan Bersekutu dan membantu dalam pembentukan persatuan perlindungan sinaran kebangsaan di rantau ini. Pada masa ini AOARP terdiri daripada tujuh Persatuan Bersekutu dari negara berikut: Australia, China, India, Jepun, Korea, Malaysia dan Filipina.

MARPA yang diwakili oleh Ts. Dr. Husaini bin Salleh (Presiden), En. Norfaizal bin Mohamed (Setiausaha) dan Cik Asmaliza Hashim (Bendahari) telah menghadiri mesyuarat Majlis Eksekutif (EC) AOARP dan *IRPA Associate Society Forum* (ASF) yang diadakan bersempena dengan penganjuran AOCRP6 pada 6 Februari 2023 secara dalam talian. Selain MARPA, 5 lagi persatuan dari negara serantau iaitu *Australasian Radiation Protection Society* (ARPS), *Chinese Society of Radiation Protection* (CSR), *Indian Association for Radiation Protection* (IARP), *Japan Health Physics Society* (JHPS) dan *Korean Association for Radiation Protection* (KARP) turut menyertai forum tersebut.

Antara perkara yang dibincangkan semasa forum tersebut adalah Pelan Strategik IRPA 2021-2024, IRPA Young Generation Network (YGN) dan pembentangan pengenalan dari setiap persatuan yang hadir. Presiden MARPA telah membentangkan pengenalan MARPA, antaranya sejarah penubuhan, rekod keahlian, objektif MARPA dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Diharap melalui jaringan kerjasama ini akan dapat memberi manfaat dan membuahkan hasil yang positif kepada semua pihak terutama ahli-ahli MARPA.

4.3 *6th Asian Oceanic Congress on Radiation Protection* (AOCRP6) (laporan disediakan oleh Pn. Roha binti Tukimin)

6th Asian Oceanic Congress on Radiation Protection (AOCRP6) dilangsungkan di Nehru Centre Mumbai, Worli, India dari 17 - 21 Februari 2023. Acara perasmian dilangsungkan pada 17 Februari dengan ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Dr M S Kulkarni, Convener, AOCRP6 & Head, HPD, Bhabha Atomic Research Centre (BARC), Mumbai, India. Ucapan jemputan oleh D K Shukla iaitu Pengerusi AERB dan ucapan Presiden IRPA, Dr Benard Le Guen dari Perancis. Selain ucapan dan perasmian, IRPA melancarkan buku abtrak dan cenderahati oleh India Association of Radiation Protection (IARP) selaku tuan rumah. Ucapan penghargaan dilakukan oleh Dr S Murali, Co-Convener persidangan AOCRP6.

Dalam program hari pertama, ICRP mengadakan bengkel dan semakan Sistem Perlindungan Sinaran. Ia dipengerusikan oleh Dr Bernard Le Guen dari IRPA. Perbincangan panel juga diadakan dengan tajuk *Reasonableness and Tolerability*. Dr Cameron Jeffries dari ARPS, Dr M S Kulkarni dari IARP dan Dr Michiya Sasaki dari Jepun telah menjadi panel bagi program tersebut. Moderator adalah Dr Thierry Schneider. Setelah tamat program, IARP telah menghiburkan ke semua delegasi dengan pertunjukan kebudayaan negara India. Ia diikuti dengan majlis makan malam bagi delegasi persidangan AOCRP6.

Persidangan pada hari ke dua ini meliputi penceramah jemputan (IT), pembentangan kertas kerja oral, pembentangan poster dan Refresher Course (RC). Malaysia diwakili oleh Puan Roha binti Tukimin dan menyampaikan pembentangan bagi dua kertas kerja bertajuk “A Profile Study on 5G Exposure in Kuala Lumpur” dan *Refresher Course* “Human Exposure to Non-ionising Radiation”.

Persidangan meliputi pelbagai tajuk merangkumi perlindungan sinaran dalam perubatan dan sektor industri, dosimetri sinaran, sinaran tidak mengion, penilaian radiasi persekitaran, *emergency response and preparedness*, pembangunan instrumentasi nuklear, standard, garis panduan, piawaian dan *regulatory framework*. Terdapat lebih 400 pembentangan kertas kerja secara lisan dan poster.

Persidangan ini berakhir pada 11 Februari 2023 dengan anugerah “Young Scientist”. Persidangan diakhiri dengan pengistiharan AOCRP7 yang akan diadakan di Beijing, China.

4.4 IRPA *Task Group on Radiation Safety Culture in Healthcare*

Ahli Lembaga MARPA telah mencalonkan Presiden, Ts. Dr. Husaini bin Salleh untuk menganggotai IRPA *Task Group on Radiation Safety Culture in Healthcare*. Mesyuarat pertama secara dalam talian pada 26 Mei 2023 dan terdapat 15 negara yang terlibat dan dibahagikan kepada 3 kumpulan.

Malaysia telah dimasukkan ke Kumpulan 3 yang turut dianggotai oleh wakil dari Perancis, United Kingdom, Sepanyol dan Madagascar.

Tujuan diwujudkan *Task Group* ini adalah untuk memastikan budaya keselamatan (safety culture) disemarakkan melalui perkongsian maklumat, penerbitan dan penilaian pelaksanaan di fasiliti. Ahli akan menggunakan beberapa siri mesyuarat sebagai platform perkongsian pengalaman dan buah fikiran terhadap sebarang isu atau masalah berkaitan *Safety Culture in Healthcare* di negara masing-masing.

Di peringkat dalam negara, kerjasama MARPA dan MAMP (Malaysian Association of Medical Physicist) mungkin boleh dilaksanakan bagi tujuan tersebut.

5. Program Kerjasama Penganjuran Acara Tahunan dengan Agensi Nuklear Malaysia

MARPA telah menandatangani dokumen kerahsiaan bersama dengan Agensi Nuklear Malaysia pada 18 April 2023 dan sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan dokumen perjanjian kerjasama. Perjanjian untuk kerjasama ini adalah bagi tempoh 1 tahun dan dua program latihan yang akan dianjurkan bersama adalah seperti berikut:

5.1 Persidangan Perlindungan Sinaran dan Bengkel, 28 – 31 Ogos 2023 di Ipoh, Perak.

5.2 Simposium Pengurusan Kualiti untuk Kelestarian, September 2023 di Kuala Lumpur.

6. Penerbitan *Newsletter* MARPA

MARPA telah menghasilkan 1 *newsletter* pada tahun 2023 iaitu Buletin MARPA, ISU 16 yang diterbitkan pada 2 Mei 2023. *Newsletter* tersebut boleh dicapai di laman web MARPA.

7. Sumbangan/Tajaan MARPA

Bagi menghargai rakan strategik dan masyarakat, MARPA telah menyumbang semula melalui:

- 7.1 Sumbangan sempena penganjuran Hari Rekacipta & Inovasi Agensi Nuklear Malaysia pada 13 September 2022 sebanyak RM 500.00.


8. Senarai Aset MARPA

Jadual 3 adalah senarai aset MARPA sehingga 30 Jun 2023 dan semua aset ini di bawah seliaan Setiausaha MARPA.

Bil	Item	Jenama	Model	No Siri Alat	No Siri MARPA
1.	LCD Projector	Acer	FSV1101	23400038160	MARPA/LCD PROJECTOR/1/2013
2.	Printer	Hp	LaserJet CP1350	CNF1Z43429	MARPA/PRINTER/2/2015
3.	Portable Hard Drive	Seagate	SRD00F1	NA494CQX	MARPA/PORTABLE HD/1/2015
4.		Seagate	SRD00F1	NA494CQV	MARPA/PORTABLE HD/2/2015
5.	High Speed 7 Port USB2.0 Hub	VZTEC	VZ-UH2081	-	MARPA/USB HUB/1/2015
6.		VZTEC	VZ-UH2081	-	MARPA/USB HUB/2/2015
7.	Notebook	Asus	A455L	F7N0WU0911 89298	MARPA /NOTEBOOK/2/2017

Jadual 3: Senarai Aset MARPA sehingga 30 Jun 2023

Disediakan oleh:



(NORFAIZAL BIN MOHAMED)
Setiausaha MARPA
2022-2024

LAPORAN KEWANGAN MARPA
- 1 JULAI 2022 HINGGA 30 JUN 2023 -

LAPORAN KEWANGAN PERSATUAN PERLINDUNGAN SINARAN MALAYSIA (MARPA)
(DARI 1 JULAI 2022 HINGGA 30 JUN 2023)

AKAUN 1

CIMB Bank, No Akaun: 8002878965

Pendapatan	Nota	Jumlah (RM)	Perbelanjaan	Nota	Jumlah (RM)
Baki di Bank (30.06.2022)		9,699.92	Mesyuarat Agung MARPA ke-21	1	9,430.00
Yuran Keahlian MARPA		11,070.00	Mesyuarat Ahli Lembaga MARPA	2	6,500.00
FD TR (CR) To CASA - Interest Payment 0000058004002140002T		1,083.49	Perbelanjaan Mesyuarat	3	1016.09
			Sumbangan dan Tajaan MARPA	4	500.00
			Caj Bank	5	12.10
			Jumlah Kecil		17,458.19
			Baki di Bank (30.06.2023)		4,395.22
JUMLAH PENDAPATAN SEMASA		21,853.41	JUMLAH PERBELANJAAN SEMASA		21,853.41

***Akaun Pulangan Pendapatan Tetap-i**

58-0040021-4-0001	RM	59,442.87
58-0040021-4-0002	RM	50,000.00
JUMLAH	RM	109,442.87

Disediakan oleh:




(ASMALIZA BINTI HASHIM)

Bendahari Sesi 2022/2024

Tarikh: 24.08.2023


Dengan ini, setelah disemak dan diperiksa akaun tersebut di atas, kami sahkan akaun tersebut adalah benar dan betul.



(MOHD FAZLIE BIN ABDUL RASHID)

Juruaudit

Tarikh: 24.8.2023



(Y MTENGGU ZAMZURE BIN TENGGU ZAHID)

Juruaudit

Tarikh: 24/8/2023

NOTA BAYARAN AKAUN 1:

1. Mesyuarat Agung MARPA ke-21

19.09.2022/ 06.10.2022	Perbelanjaan AGM 2022 ((Bangi Resort Hotel)	RM	4,505.00
06.10.2022	Doorgift AGM 2022	RM	4,250.00
12.10.2022	Perbelanjaan AGM 2022 (Buku AGM)	RM	75.00
19.12.2022	Bayaran Pengerusi Mesyuarat AGM, Pencatat Minit AGM dan Juruaudit (RM200 untuk Pengerusi x 1) (RM100 untuk Pencatat Minit x 2) (RM100 untuk Juruaudit x 2)	RM	600.00
Jumlah		RM	<u>9,430.00</u>

2. Mesyuarat Ahli Lembaga MARPA

06.10.2022	Elaun Kehadiran Ahli Lembaga Mesyuarat Bil. 03/2022 (No. 09 (2020-2022) (6 AL)	RM	1,500.00
19.12.2022	Elaun Kehadiran Ahli Lembaga Mesyuarat Bil. 04/2022 (Bil. 01/2022-2024) (10 AL)	RM	2,500.00
21.02.2023	Elaun Kehadiran Ahli Lembaga Mesyuarat Bil. 01/2023 (Bil. 02/2022-2024) (10 AL)	RM	2,500.00
Jumlah		RM	<u>6,500.00</u>

3. Perbelanjaan Mesyuarat

06.10.2022	Makan minum mesyuarat Bil. 02/2022 (No. 08 (2020-2022))	RM	219.00
06.10.2022	Makan minum mesyuarat Bil. 03/2022 (No. 09 (2020-2022))	RM	301.04
19.12.2022	Makan minum mesyuarat Bil. 04/2022 (Bil. 01/2022-2024)	RM	346.05
21.02.2023	Makan minum mesyuarat Bil. 01/2023 (Bil. 02/2022-2024)	RM	150.00
Jumlah		RM	<u>1,016.09</u>

4. Sumbangan dan Tajaan MARPA

05.09.2022	Sumbangan Penganjuran Hari Inovasi & Kreativiti Nuklear Malaysia (HIKNM) 2022	RM	500.00
Jumlah		RM	<u>500.00</u>

5. Caj Bank

21.11.2022	Charge of Change of Signatories / Charges for Update & Add Signature	RM	10.00
	Caj Bank dari 01.07.2022 - 30.06.2023	RM	2.10
Jumlah		RM	<u>12.10</u>

NOTA BAYARAN AKAUN 2:

1. Persidangan Perlindungan Sinaran dan Bengkel 2022

01.11.2022	Yuran Konsultansi kepada Agensi Nuklear Malaysia	RM	15,000.00
06.07.2022	Perbelanjaan Mesyuarat (Makan Minum)	RM	130.00
	Jumlah	RM	15,130.00

2. Pindahan Yuran

19.09.2022	Pindahan Yuran Keahlian Baru MARPA di RPCW 2022 ke Akaun 1	RM	8,200.00
	Jumlah	RM	8,200.00

3. Caj Bank

21.11.2022	<i>Charge of Change of Signatories / Charges for Update & Add Signature</i>	RM	10.00
	Caj Bank dari 01.07.2022 - 30.06.2023	RM	0.10
	Jumlah	RM	10.10